



29 Mac 2019
29 March 2019
P.U. (A) 99

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN
AWAM (KESELAMATAN) 2019

CIVIL AVIATION (SECURITY) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (KESELAMATAN) 2019

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA KESELAMATAN

3. Pihak Berkuasa Keselamatan
4. Maklumat mengenai tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang
5. Kerjasama antarabangsa
6. Jawatankuasa

BAHAGIAN III

PROGRAM KESELAMATAN KEBANGSAAN

7. Program Keselamatan Kebangsaan
8. Pengubahan Program Keselamatan Kebangsaan

BAHAGIAN IV

PROGRAM KESELAMATAN

9. Program keselamatan
10. Pelan kontingensi oleh pengendali aerodrom

Peraturan

11. Kajian semula program keselamatan yang diluluskan
12. Pematuhan kehendak program keselamatan dan pelan kontingensi yang diluluskan

BAHAGIAN V

PEMERIKSAAN DAN KAWALAN KESELAMATAN

13. Peralatan keselamatan
14. Pemeriksa keselamatan
15. Kawasan terhad keselamatan
16. Pemeriksaan orang
17. Pemeriksaan bagasi
18. Pemeriksaan kargo, mel dan barangan
19. Pemeriksaan kenderaan
20. Gangguan tanpa kebenaran
21. Kawasan terkawal
22. Pelantikan ketua keselamatan

BAHAGIAN VI

KESELAMATAN KAPAL UDARA

23. Penggeledahan dan pemeriksaan keselamatan kapal udara
24. Akses tanpa kebenaran ke kapal udara
25. Kehadiran tanpa kebenaran di dalam kapal udara
26. Benda yang ditinggalkan
27. Langkah-langkah yang berhubungan dengan penumpang dalam jagaan yang sah

BAHAGIAN VII

AM

28. Pengajar
29. Permohonan bagi kelulusan, dsb.

Peraturan

30. Pemindahmilikan kelulusan, perakuan dan kebenaran
31. Penggantungan, pengubahan dan pembatalan kelulusan
32. Kesalahan berhubung dengan dokumen dan rekod
33. Kuasa untuk memberi arahan
34. Kesalahan

JADUAL

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (KESELAMATAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Keselamatan) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 30 Mac 2019.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bagasi” ertinya harta peribadi penumpang atau kru yang dibawa di dalam kapal udara dengan persetujuan pengendali;

“bagasi kabin” ertinya bagasi yang diniatkan untuk dibawa di dalam kabin suatu kapal udara;

“barangan” ertinya apa-apa barang selain kargo, mel dan bagasi, dan termasuklah—

(a) apa-apa barang yang diniatkan untuk penggunaan penumpang atau kru di dalam kapal udara;

(b) apa-apa barang yang digunakan bagi pengendalian dan penyenggaraan kapal udara, termasuk minyak dan pelincir; dan

- (c) apa-apa barang untuk jualan kepada penumpang atau kru di dalam kapal udara atau dalam kawasan terhad keselamatan;

“Entiti Kerajaan” ertinya—

- (a) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga atau majlis bagi Kerajaan Persekutuan, atau bagi mana-mana Kerajaan Negeri, yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau sebaliknya; atau
- (b) mana-mana pihak berkuasa tempatan;

“fi yang ditetapkan” ertinya fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016 [*P.U. (A) 99/2016*];

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah peraturan 6;

“kapal udara” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 [*P.U. (A) 97/2016*];

“kawasan terhad keselamatan” ertinya apa-apa kawasan yang ditetapkan oleh pengendali aerodrom di bawah peraturan 15;

“NCASP” ertinya program yang diadakan di bawah perenggan 7(1)(a);

“NCASTP” ertinya program yang diadakan di bawah perenggan 7(1)(b);

“Negara Pejanji” ertinya mana-mana Negara yang merupakan pihak kepada Konvensyen Chicago;

“NQCP” ertinya program yang diadakan di bawah perenggan 7(1)(c);

“pemeriksa keselamatan” ertinya seseorang yang memegang perakuan yang dikeluarkan di bawah peraturan 14;

“pengangkutan udara komersial” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“pengendali” ertinya seseorang yang memegang perakuan pengendali udara yang dikeluarkan di bawah peraturan 110 Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“pengendali aerodrom” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 38 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [*Akta 771*];

“pengendali darat” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah seksyen 37 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015;

“penumpang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016;

“penumpang pindah” ertinya penumpang yang membuat sambungan terus antara dua penerbangan yang berlainan;

“penumpang transit” ertinya penumpang yang berlepas dari suatu aerodrom dalam penerbangan yang sama semasa ketibaannya;

“peralatan keselamatan” ertinya peranti yang mempunyai sifat kegunaan yang khusus, secara individu atau sebagai sebahagian daripada suatu sistem, bagi menghalang atau mengesan apa-apa tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang dengan penerbangan awam dan kemudahannya, termasuklah televisyen litar tertutup, pengesan logam tangan, pengesan logam penuh dan pengimbas badan;

“Pihak Berkuasa Keselamatan” ertinya Pihak Berkuasa Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah peraturan 3;

“program keselamatan” ertinya program yang diadakan di bawah peraturan 9;

“Program Keselamatan Kebangsaan” ertinya program yang diadakan di bawah peraturan 7;

“program keselamatan yang diluluskan” ertinya program keselamatan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan di bawah peraturan 29;

“tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang” ertinya apa-apa tindakan yang membahayakan perihal selamat penerbangan awam, termasuklah—

- (a) perampasan kapal udara yang menyalahi undang-undang;
- (b) pemusnahan kapal udara yang sedang digunakan;
- (c) pengambilan tebusan di dalam kapal udara atau di aerodrom;
- (d) pencerobohan dengan kekerasan di dalam kapal udara, di lapangan terbang atau di premis kemudahan aeronautik;
- (e) kemasukan senjata atau peranti atau bahan berbahaya yang diniatkan bagi maksud jenayah di dalam kapal udara atau di lapangan terbang;
- (f) kegunaan kapal udara yang sedang digunakan bagi maksud menyebabkan kematian, kecederaan berat pada badan atau kerosakan berat kepada harta atau alam sekitar; dan
- (g) komunikasi maklumat palsu yang membahayakan perihal selamat sesuatu kapal udara dalam penerbangan atau di atas darat, seseorang penumpang, kru, kakitangan di atas darat atau orang awam secara am, di lapangan terbang atau di atas premis kemudahan penerbangan awam.

BAHAGIAN II
PIHAK BERKUASA KESELAMATAN

Pihak Berkuasa Keselamatan

3. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menjadi Pihak Berkuasa Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan.

(2) Pihak Berkuasa Keselamatan hendaklah bertanggungjawab untuk melindungi penerbangan awam daripada apa-apa tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang dan untuk mengawal selia keselamatan penerbangan awam sebagai mematuhi peruntukan Lampiran 17 kepada Konvensyen Chicago.

(3) Fungsi Pihak Berkuasa Keselamatan adalah—

- (a) untuk mengadakan polisi keselamatan penerbangan awam dan mengkaji semula polisi itu dari semasa ke semasa;
- (b) untuk memantau pelaksanaan peruntukan Peraturan-Peraturan ini;
- (c) untuk menjalankan kajian semula terhadap Program Keselamatan Kebangsaan;
- (d) untuk meluluskan suatu program keselamatan dan menjalankan kajian semula terhadap mana-mana program keselamatan yang diluluskan;
- (e) untuk menentukan dan mengagihkan tugas dan menyelaraskan aktiviti keselamatan penerbangan awam antara Entiti Kerajaan, pengendali dan pengendali aerodrom, penyedia perkhidmatan kawalan trafik udara dan mana-mana orang lain yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan NCASP;
- (f) untuk menjalankan kajian semula terhadap tahap ancaman kepada penerbangan awam;

- (g) untuk menjalankan penilaian risiko keselamatan secara tetap bagi keselamatan penerbangan awam;
- (h) untuk menilai semula kawalan keselamatan dan tatacara bagi keselamatan penerbangan awam;
- (i) untuk bertindak balas secara bersesuaian dengan tahap ancaman kepada keselamatan penerbangan awam; dan
- (j) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada mana-mana fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Maklumat mengenai tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang

4. Sekiranya berlaku apa-apa tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang, Pihak Berkuasa Keselamatan boleh memberikan maklumat penting yang berhubungan dengan aspek keselamatan mengenai tindakan itu kepada Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.

Kerjasama antarabangsa

5. Pihak Berkuasa Keselamatan boleh bekerjasama dengan mana-mana Negara Pejanji bagi maksud pembangunan dan pertukaran maklumat mengenai Program Keselamatan Kebangsaan.

Jawatankuasa

6. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan, yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Pegawai Eksekutif, yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) seorang wakil Kementerian Pengangkutan; dan

(c) apa-apa bilangan wakil yang dilantik oleh Ketua Pegawai Eksekutif—

(i) daripada mana-mana Entiti Kerajaan; dan

(ii) dalam kalangan pengendali, pengendali aerodrom, penyedia perkhidmatan kawalan trafik udara atau mana-mana orang lain.

(2) Fungsi Jawatankuasa adalah—

(a) untuk menasihati Pihak Berkuasa Keselamatan tentang perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan peruntukan Peraturan-Peraturan ini;

(b) untuk memudahkan penyelarasan aktiviti keselamatan penerbangan awam antara Entiti Kerajaan, pengendali dan pengendali aerodrom, penyedia perkhidmatan kawalan trafik udara dan mana-mana orang lain yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan NCASP;

(c) untuk mempertimbangkan syor yang dibuat oleh jawatankuasa keselamatan lapangan terbang berhubung dengan keselamatan penerbangan awam dan, jika sesuai, mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Keselamatan apa-apa perubahan kepada polisi keselamatan penerbangan awam; dan

(d) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan.

(3) Tatacara Jawatankuasa hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam NCASP.

BAHAGIAN III
PROGRAM KESELAMATAN KEBANGSAAN

Program Keselamatan Kebangsaan

7. (1) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mengadakan dan melaksanakan Program Keselamatan Kebangsaan seperti yang berikut:

- (a) NCASP, iaitu Program Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan untuk melindungi pengendalian penerbangan awam daripada apa-apa tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang;
- (b) NCASTP, iaitu Program Latihan Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan untuk memastikan kesedaran mengenai keselamatan dan latihan fungsi spesifik diberikan kepada semua orang yang terlibat dalam atau yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan NCASP;
- (c) NQCP, iaitu Program Kawalan Mutu Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan untuk menentukan pematuhan kepada dan mengesahkan keberkesanan NCASP; dan
- (d) apa-apa program lain yang difikirkan perlu oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah memberi kesan kepada apa-apa kajian semula yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Keselamatan di bawah perenggan 3(3)(c).

(3) Semua pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat dan orang lain yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mematuhi kehendak Program Keselamatan Kebangsaan.

(4) Semua Entiti Kerajaan yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Program Keselamatan Kebangsaan hendaklah bekerjasama dengan dan membantu satu sama lain dalam memastikan pelaksanaan wajar Program Keselamatan Kebangsaan.

(5) Bagi maksud subperaturan (3), Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah memberikan kepada pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau orang lain yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif suatu salinan bahagian yang berkenaan atau maklumat yang berkaitan dengan Program Keselamatan Kebangsaan untuk membolehkan pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau orang itu mematuhi kehendak Program Keselamatan Kebangsaan.

Pengubahan Program Keselamatan Kebangsaan

8. (1) Ketua Pegawai Eksekutif boleh, jika difikirkannya perlu, mengubah mana-mana Program Keselamatan Kebangsaan.

(2) Jika Ketua Pegawai Eksekutif mengubah mana-mana Program Keselamatan Kebangsaan di bawah subperaturan (1), Ketua Pegawai Eksekutif boleh mengarahkan mana-mana orang yang mengadakan mana-mana program keselamatan yang diluluskan untuk mengubah program keselamatan yang diluluskan itu agar selaras dengan Program Keselamatan Kebangsaan sebagaimana yang diubah dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(3) Mana-mana orang yang diarahkan di bawah subperaturan (2) hendaklah mengemukakan program keselamatan yang diluluskan yang telah diubah kepada Pihak Berkuasa Keselamatan untuk kelulusannya dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif mengikut peraturan 29.

BAHAGIAN IV
PROGRAM KESELAMATAN

Program keselamatan

9. (1) Seseorang pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mengadakan program keselamatan seperti yang berikut:

(a) suatu program keselamatan penerbangan awam mengikut kehendak NCASP;

(b) suatu program latihan keselamatan penerbangan awam mengikut kehendak NCASTP;

(c) suatu program kawalan mutu keselamatan penerbangan awam mengikut kehendak NQCP; dan

(d) apa-apa program lain yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Program keselamatan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan.

(3) Permohonan bagi kelulusan atau pengubahan kelulusan suatu program keselamatan hendaklah dibuat mengikut peraturan 29.

(4) Berhubung dengan program latihan keselamatan penerbangan awam yang disebut dalam perenggan (1)(b), seseorang pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah membaharui kelulusan program itu dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(5) Permohonan bagi pembaharuan kelulusan suatu program latihan keselamatan penerbangan awam hendaklah dibuat mengikut peraturan 29.

Pelan kontingensi oleh pengendali aerodrom

10. (1) Seseorang pengendali aerodrom hendaklah, sebagai tambahan kepada program keselamatan penerbangan awam yang disebut dalam perenggan 9(1)(a), mengadakan suatu pelan kontingensi mengikut kehendak NCASP.

(2) Pelan kontingensi yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan.

(3) Permohonan bagi kelulusan atau pengubahan kelulusan suatu pelan kontingensi hendaklah dibuat mengikut peraturan 29.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “pelan kontingensi” ertinya suatu pelan proaktif yang termasuklah langkah-langkah dan tatacara yang memperkatakan tentang pelbagai tahap ancaman, penilaian risiko dan langkah-langkah keselamatan berkaitan yang hendaklah dilaksanakan dan direka bentuk untuk menjangkakan, mengurangkan hal kejadian dan menyediakan semua pihak yang berkenaan yang mempunyai peranan dan tanggungjawab sekiranya berlaku tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang yang sebenar.

Kajian semula program keselamatan yang diluluskan

11. (1) Pihak Berkuasa Keselamatan boleh, jika difikirkannya perlu, menjalankan kajian semula terhadap mana-mana program keselamatan yang diluluskan.

(2) Pihak Berkuasa Keselamatan boleh mengarahkan mana-mana orang yang mengadakan program keselamatan yang diluluskan untuk mengubah program keselamatan itu berdasarkan kajian semula yang dibuat dalam tempoh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan.

(3) Mana-mana orang yang diarahkan di bawah subperaturan (2) hendaklah mengemukakan program keselamatan yang diluluskan sebagaimana yang telah diubah itu kepada Pihak Berkuasa Keselamatan untuk kelulusannya dalam tempoh yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan mengikut peraturan 29.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), Pihak Berkuasa Keselamatan boleh mengarahkan mana-mana orang yang mengadakan mana-mana program keselamatan yang diluluskan untuk menjalankan sendiri kajian semula terhadap program keselamatannya itu.

(5) Mana-mana orang yang diarahkan di bawah subperaturan (4) hendaklah menjalankan kajian semula dan mengubah program keselamatannya yang diluluskan berdasarkan kajian semula itu dan mengemukakan program itu sebagaimana yang telah diubah itu kepada Pihak Berkuasa Keselamatan untuk kelulusannya dalam tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif mengikut peraturan 29.

Pematuhan kehendak program keselamatan dan pelan kontingensi yang diluluskan

12. Pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat dan mana-mana orang yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mematuhi program keselamatan dan pelan kontingensi yang diluluskan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN V

PEMERIKSAAN DAN KAWALAN KESELAMATAN

Peralatan keselamatan

13. (1) Tiada pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau mana-mana orang lain boleh menggunakan mana-mana peralatan keselamatan kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Keselamatan.

(2) Permohonan bagi suatu kelulusan atau pembaharuan kelulusan untuk menggunakan peralatan keselamatan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 29.

Pemeriksa keselamatan

14. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai pemeriksa keselamatan melainkan jika orang itu memegang perakuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan.

(2) Permohonan bagi suatu perakuan atau pembaharuan perakuan untuk bertindak sebagai pemeriksa keselamatan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 29.

(3) Tiada pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab untuk menyediakan proses pemeriksaan boleh membenarkan atau menyebabkan dibenarkan mana-mana orang untuk bertindak sebagai pemeriksa keselamatan melainkan jika orang itu memegang suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan.

(4) Pemeriksa keselamatan hendaklah menjalankan proses pemeriksaan terhadap orang, bagasi, kargo, mel dan barangan mengikut kaedah dan cara pemeriksaan yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(5) Seseorang pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab untuk menyediakan proses pemeriksaan hendaklah memastikan agar pemeriksa keselamatan mematuhi subperaturan (4).

Kawasan terhad keselamatan

15. Seseorang pengendali aerodrom hendaklah, dengan kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif, menetapkan mana-mana kawasan di tapak udara sesuatu aerodrom sebagai kawasan terhad keselamatan, iaitu suatu kawasan berisiko utama di mana sebagai tambahan kepada kawalan, kawalan keselamatan lain adalah terpakai.

Pemeriksaan orang

16. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu kawasan terhad keselamatan atau kapal udara di dalam kawasan terhad keselamatan melainkan jika orang itu menjalani proses pemeriksaan oleh pemeriksa keselamatan.

(2) Seseorang pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab untuk menyediakan proses pemeriksaan hendaklah memastikan tiada seorang pun memasuki sesuatu kawasan terhad keselamatan atau kapal udara di dalam kawasan terhad keselamatan melainkan jika orang itu menjalani proses pemeriksaan oleh pemeriksa keselamatan.

(3) Peraturan ini tidak terpakai bagi—

- (a) penumpang transit yang kekal berada di dalam kapal udara;
- (b) penumpang transit atau penumpang pindah yang tidak bercampur dengan orang yang tidak diperiksa daripada lapangan terbang transit atau pindah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) penumpang transit atau penumpang pindah yang tiba dari Negara Pejanji yang standard keselamatan yang terpakai diperakui setara dengan kehendak yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Pemeriksaan bagasi

17. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) mengambil atau menyebabkan supaya diambil di dalam mana-mana kapal udara; atau
- (b) menghantar atau menyebabkan supaya dihantar bagi pemuatan atau pembawaan ke dalam kapal udara,

apa-apa bagasi melainkan jika bagasi itu menjalani proses pemeriksaan oleh pemeriksa keselamatan.

(2) Seseorang pengendali aerodrom hendaklah memastikan tiada seorang pun—

(a) mengambil atau menyebabkan supaya diambil di dalam mana-mana kapal udara; atau

(b) menghantar atau menyebabkan supaya dihantar bagi pemuatan atau pembawaan ke dalam kapal udara,

apa-apa bagasi melainkan jika bagasi itu menjalani proses pemeriksaan oleh pemeriksa keselamatan.

(3) Peraturan ini tidak terpakai bagi apa-apa bagasi kabin yang dibawa oleh—

(a) penumpang transit yang kekal berada di dalam kapal udara;

(b) penumpang transit atau penumpang pindah yang tidak bercampur dengan orang yang tidak diperiksa daripada lapangan terbang transit atau pindah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(c) penumpang transit atau penumpang pindah yang tiba dari Negara Pejanji yang standard keselamatan yang terpakai diperakui setara dengan kehendak yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Pemeriksaan kargo, mel dan barangan

18. (1) Tiada seorang pun boleh—

(a) mengambil atau menyebabkan supaya diambil di dalam mana-mana kapal udara; atau

(b) menghantar atau menyebabkan supaya dihantar bagi pemuatan atau pembawaan ke dalam kapal udara,

apa-apa kargo atau mel melainkan jika kargo atau mel itu menjalani proses pemeriksaan oleh pemeriksa keselamatan.

(2) Tiada seorang pun boleh membawa atau menyebabkan supaya dibawa di dalam kawasan terhad keselamatan atau di dalam mana-mana kapal udara di dalam kawasan terhad keselamatan, apa-apa barangan melainkan jika barangan itu menjalani proses pemeriksaan oleh pemeriksa keselamatan.

Pemeriksaan kenderaan

19. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau mengendalikan, atau menyebabkan supaya digunakan atau dikendalikan suatu kenderaan di dalam kawasan terhad keselamatan melainkan jika kenderaan itu menjalani proses pemeriksaan oleh pemeriksa keselamatan.

(2) Pengendali aerodrom hendaklah memastikan tiada seorang pun menggunakan atau mengendalikan, atau menyebabkan supaya digunakan atau dikendalikan suatu kenderaan di dalam kawasan terhad keselamatan melainkan jika kenderaan itu menjalani proses pemeriksaan oleh pemeriksa keselamatan.

Gangguan tanpa kebenaran

20. Seseorang pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab untuk menyediakan proses pemeriksaan hendaklah memastikan semua penumpang, bagasi, kargo, mel dan barangan yang telah menjalani proses pemeriksaan di bawah Bahagian ini dilindungi daripada apa-apa gangguan tanpa kebenaran bermula dari masa pemeriksaan dibuat sehingga perlepasan kapal udara, mengikut kehendak NCASP dan program keselamatan penerbangan awam yang diluluskan yang berkaitan.

Kawasan terkawal

21. (1) Ketua Pegawai Eksekutif boleh, setelah menjalankan penilaian risiko keselamatan, mengisytiharkan mana-mana kawasan aerodrom atau mana-mana kawasan lain yang difikirkannya sesuai sebagai kawasan terkawal.

(2) Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu kawasan terkawal melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Pelantikan ketua keselamatan

22. (1) Seseorang pengendali, pengendali aerodrom, pengendali darat atau mana-mana orang lain yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah, dengan kelulusan terdahulu Pihak Berkuasa Keselamatan, melantik seorang ketua keselamatan.

(2) Permohonan bagi kelulusan terdahulu di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 29.

(3) Seseorang ketua keselamatan hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan dalam Program Keselamatan Kebangsaan.

BAHAGIAN VI

KESELAMATAN KAPAL UDARA

Penggeledahan dan pemeriksaan keselamatan kapal udara

23. (1) Tiada pengendali boleh membenarkan atau menyebabkan supaya dibenarkan mana-mana kapal udaranya untuk terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial melainkan jika pengendali itu menjalankan penggeledahan dan pemeriksaan keselamatan terhadap kapal udara itu mengikut NCASP.

(2) Pengendali hendaklah memastikan kapal udaranya dilindungi daripada apa-apa gangguan tanpa kebenaran bermula dari masa penggeledahan dan pemeriksaan keselamatan di bawah subperaturan (1) dijalankan sehingga perlepasan kapal udara itu.

Akses tanpa kebenaran ke kapal udara

24. Seseorang pengendali hendaklah memastikan kapal udaranya berada di bawah penyeliaannya untuk menghalang apa-apa akses tanpa kebenaran oleh seseorang atau sesuatu kenderaan ke atau dari kapal udara itu.

Kehadiran tanpa kebenaran di dalam kapal udara

25. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki atau berada di dalam dek penerbangan mana-mana kapal udara yang terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial melainkan jika—

(a) orang itu ialah kru yang bertugas dan dibenarkan oleh pengendali;

(b) orang itu, dengan kuasa oleh Ketua Pegawai Eksekutif, melaksanakan apa-apa fungsi pengawalseliaan, termasuk menyaksikan apa-apa latihan, praktis atau ujian bagi maksud Akta atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta atau bagi maksud Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Malaysia 2017 [*Akta 788*]; atau

(c) orang itu dibenarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Seseorang pengendali hendaklah memastikan tiada orang selain orang yang disebut dalam perenggan (1)(a) hingga (c) memasuki atau berada di dalam dek penerbangan mana-mana kapal udaranya.

Benda yang ditinggalkan

26. Seseorang pengendali hendaklah memastikan apa-apa benda yang ditinggalkan di dalam mana-mana kapal udaranya oleh penumpang yang turun daripada mana-mana penerbangan, termasuk penerbangan transit, dialihkan daripada kapal udara itu.

Langkah-langkah yang berhubungan dengan penumpang dalam jagaan yang sah

27. Seseorang pengendali hendaklah memastikan bahawa program keselamatan penerbangan awamnya mengandungi langkah-langkah dan tatacara untuk membawa penumpang dalam jagaan sah mana-mana agensi penguatkuasaan mengikut kehendak NCASP.

BAHAGIAN VII

AM

Pengajar

28. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan latihan keselamatan penerbangan awam sebagai seorang pengajar melainkan jika orang itu memegang perakuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan.

(2) Permohonan bagi suatu perakuan atau pembaharuan atau pengubahan perakuan bagi pengajar di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 29.

Permohonan bagi kelulusan, dsb.

29. (1) Permohonan bagi—

- (a) suatu kelulusan atau pembaharuan atau pengubahan suatu kelulusan di bawah peraturan 8, 9, 10, 11, 13 dan 22; atau
- (b) suatu perakuan, pembaharuan atau pengubahan suatu perakuan di bawah peraturan 14 dan 28;

hendaklah—

- (A) dibuat kepada Pihak Berkuasa Keselamatan dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif;
- (B) kecuali bagi peraturan 8, 11, 13 dan 22, disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan
- (C) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Pihak Berkuasa Keselamatan boleh, secara bertulis, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subperaturan (1), meminta pemohon supaya memberikan kepada Pihak Berkuasa Keselamatan dalam tempoh yang ditentukan dalam permintaan itu maklumat, butiran atau dokumen tambahan mengenai permohonan itu.

(3) Setelah mempertimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1), Pihak Berkuasa Keselamatan boleh membenarkan atau menolak permohonan itu.

(4) Jika Pihak Berkuasa Keselamatan membenarkan permohonan di bawah subperaturan (1), Pihak Berkuasa Keselamatan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya perlu bagi kelulusan atau perakuan itu dan orang yang dikeluarkan terhadapnya kelulusan atau perakuan itu hendaklah mematuhi terma dan syarat itu.

Pemindahmilikan kelulusan, perakuan dan kebenaran

30. Suatu kelulusan, perakuan dan kebenaran yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah khas kepada orang yang kepadanya ia dikeluarkan dan tidak boleh dipindahmilikkan atau diserahkan kepada mana-mana orang lain.

Penggantungan, perubahan dan pembatalan kelulusan

31. (1) Pihak Berkuasa Keselamatan boleh menggantung, mengubah atau membatalkan kelulusan, perakuan atau kebenaran yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada mana-mana orang dalam mana-mana hal keadaan seperti yang berikut:

- (a) jika orang itu melanggar mana-mana terma dan syarat pada kelulusan, perakuan atau kebenaran itu;
- (b) jika orang itu melanggar mana-mana peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta atau mana-mana peruntukan Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017;
- (c) jika kelulusan, perakuan atau kebenaran itu diperoleh secara fraud atau salah nyataan; atau
- (d) jika berlaku kematian, ketidakupayaan atau kebangkrapan oleh orang itu atau, dalam hal suatu syarikat, jika berlaku pembubaran atau pelantikan seorang penerima atau pengurus.

(2) Pihak Berkuasa Keselamatan tidak boleh menggantung, mengubah atau membatalkan mana-mana kelulusan, perakuan atau kebenaran melainkan jika orang itu telah diberikan peluang untuk membuat suatu representasi.

(3) Sementara menunggu keputusan untuk menggantung, mengubah atau membatalkan kelulusan, perakuan atau kebenaran di bawah subperaturan (1), Pihak Berkuasa Keselamatan boleh, jika difikirkan perlu, menggantung sementara atau mengubah, dengan atau tanpa syarat, kelulusan, perakuan atau kebenaran itu.

(4) Jika suatu kelulusan, perakuan atau kebenaran yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini—

- (a) telah dibatalkan, pemegang kelulusan, perakuan atau kebenaran itu hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pembatalan memulangkan kelulusan, perakuan atau kebenaran itu kepada Pihak Berkuasa Keselamatan; atau
- (b) digantung atau digantung sementara, kelulusan, perakuan atau kebenaran itu tidak berkuat kuasa semasa tempoh penggantungan.

Kesalahan berhubung dengan dokumen dan rekod

32. (1) Seseorang tidak boleh dengan niat hendak memperdaya—

- (a) menggunakan apa-apa kelulusan, perakuan atau kebenaran yang telah dipalsukan, diubah, dibatalkan atau digantung, atau yang kepadanya orang itu tidak berhak;
- (b) meminjamkan apa-apa kelulusan, perakuan atau kebenaran di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk, atau membenarkan kelulusan, perakuan atau kebenaran itu digunakan oleh, mana-mana orang lain; atau
- (c) membuat apa-apa pernyataan palsu bagi maksud untuk mendapatkan kepada dirinya atau orang lain apa-apa kelulusan, perakuan atau kebenaran di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Bagi maksud peraturan ini, apa-apa sebutan tentang kelulusan, perakuan atau kebenaran termasuklah suatu salinan atau berupa salinannya itu.

Kuasa untuk memberi arahan

33. (1) Pihak Berkuasa Keselamatan, Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh memberikan apa-apa arahan kepada mana-mana orang bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Orang yang kepadanya arahan di bawah subperaturan (1) diberikan hendaklah mematuhi arahan itu.

Kesalahan

34. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian A Jadual melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah seorang individu, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; atau

(b) jika orang itu ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau mana-mana kumpulan orang yang lain, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian B Jadual melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah seorang individu, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau

(b) jika orang itu ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau mana-mana kumpulan orang yang lain, didenda tidak melebihi empat ratus ribu ringgit.

JADUAL
[Peraturan 34]

KESALAHAN

Mana-mana orang yang melanggar peruntukan yang disenaraikan dalam Bahagian A dan Bahagian B Jadual ini adalah melakukan kesalahan:

BAHAGIAN A

<i>Peraturan</i>	<i>Perkara</i>
8(3)	Pengubahan Program Keselamatan Kebangsaan
11	Kajian semula program keselamatan
22	Pelantikan ketua keselamatan
28	Pengajar
30	Pemindahmilikan kelulusan, perakuan dan kebenaran

BAHAGIAN B

<i>Peraturan</i>	<i>Perkara</i>
7(3)	Pematuhan kepada Program Keselamatan Kebangsaan
9	Program keselamatan
10	Pelan kontingensi oleh pengendali aerodrom
12	Pematuhan kepada program keselamatan dan pelan kontingensi yang diluluskan
13	Peralatan keselamatan
14	Pemeriksa keselamatan
16	Pemeriksaan orang
17	Pemeriksaan bagasi
18	Pemeriksaan kargo, mel dan barangan

Peraturan

Perkara

- | | |
|----------|---|
| 19 | Pemeriksaan kenderaan |
| 20 | Gangguan tanpa kebenaran |
| 21 | Kawasan terkawal |
| 23 | Penggeledahan dan pemeriksaan keselamatan kapal udara |
| 24 | Akses tanpa kebenaran ke kapal udara |
| 25 | Kehadiran tanpa kebenaran di dalam kapal udara |
| 26 | Benda yang ditinggalkan |
| 27 | Langkah-langkah yang berhubungan dengan penumpang dalam jagaan yang sah |
| 29 | Terma dan syarat bagi kelulusan atau perakuan |
| 31(4)(a) | Tidak memulangkan kelulusan, perakuan atau kebenaran |
| 32 | Kesalahan berhubung dengan dokumen dan rekod |
| 33 | Tidak mematuhi arahan |

Bertarikh 29 Mac 2019
[MOT.BU(S).600-6/2/11(9); PN(PU2)38/XI]

LOKE SIEW FOOK
Menteri Pengangkutan

CIVIL AVIATION ACT 1969
CIVIL AVIATION (SECURITY) REGULATIONS 2019

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

